



MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK

ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2000

SAMAN GANTIAN SECARA IKLAN

Saya ingin menarik perhatian Y.A/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiul Awwal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan bagi tujuan penyelarasan amalan saman gantian secara iklan di Mahkamah Syariah di seluruh negeri. Oleh itu, iklan bagi Saman Gantian selain di akhbar yang meluas penyebarannya dan menggunakan bahasa yang difahami oleh pihak yang dimaksudkan, hendaklah juga dipaparkan di papan kenyataan Mahkamah, Masjid dan lain-lain bangunan yang munasabah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh perbicaraan.

2. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai *1 Julai 2001*.


(YAA TUAN HAJI SAM B HJ OJEH)
Ketua Hakim Syarie

Rujukan : MS/0/41 JLD. 2 (8)
Takwim : 20 Rabiul Awwal 1422H
Tarikh : 12 Jun 2001